

# Kejujuran kunci kejayaan Khairul

Sikap itu membuatkan syarikatnya terus mendapat kepercayaan pelanggan

## Profil



**NAMA:** Khairul Amin Hasan

**JAWATAN:** Pengarah Pemasaran Al Fajr (M) Sdn Bhd

**TARIKH LAHIR:**

14 November 1962

**ASAL:** Taiping, Perak

**ISTERI:** Dinah Tayub

**ANAK:** Khairul Hafidz Al Khair (27), Khairul Mahfudz Al Khair (26), Khairul Baqir Al Khair (22), Khairul Norsaidatul Firdaus Al Husna (18), Khairul Norsaidatul Jannah Al Husna (15) dan Khairul Norsaidatul Kauthar Al Husna (14)

**PENDIDIKAN:** Ijazah Sarjana Muda Pertanian, Universiti Putra Malaysia

**PENGETAHUAN** mengenai jenis dan kualiti kurma perlu diambil berat.



## KARISMA

Oleh ANIZA ZAINUDIN

anizazainudin@mediaprima.com.my

Jujur kepada pelanggan menjadi asas kukuh dalam perniagaan yang diasaskan 13 tahun lalu oleh Khairul Amin Hasan bersama rakan kongsi, warga Iran.

Meskipun menyedari kejujuran dipraktikkan bakal mendatangkan risiko kerugian, anak kelahirannya Taiping, Perak ini yakin sikap itu mampu mengukuhkan kepercayaan pelanggan.

Bergelar Pengarah Pemasaran Al Fajr (M) Sdn Bhd (Al Fajr), sebuah syarikat yang mengimport dan membekalkan produk dari Asia Barat, terutama Iran seperti kurma, Khairul Amin mengakui pernah berdepan kemarahan pesaing gara-gara kejujuran diamalkan sehingga mengurangkan keuntungan dalam dunia perniagaan itu.

"Apabila pelanggan yang kebanyakannya syarikat korporat datang ke pejabat saya, terlebih dulu saya terangkan kelebihan dan kekurangan setiap produk

yang mereka ingini.

"Saya menjual empat jenis kurma utama iaitu Ajwa (kurma nabi), Rotab Bam, Tunisia bertangkai dan Maryami. Selain memberitahu harga dijual, selalunya saya memaklumkan pelanggan kenapa harga satu-satu jenis kurma itu mahal berbanding lain.

"Selepas berkongsi maklumat, terserah kepada pelanggan untuk memilih jenis kurma diingini. Syukur, mungkin berkat kejujuran diamalkan, syarikat ini berjaya mengekalkan pelanggan berulang," katanya ketika ditemui di syarikatnya beroperasi di Batu Caves, Selangor.

Menurutnya, kebanyakan masyarakat Malaysia tidak mempunyai pengetahuan mendalam mengenai khasiat dan jenis kurma, sebaliknya menganggap semuanya sama.

Hal ini membuatkan mereka tidak terlalu teliti ketika membeli, sedangkan setiap jenis kurma memiliki kualiti berbeza.

Jelasnya, selain menekankan konsep kejujuran, syarikat yang ditubuhkan pada 2000 ini mempunyai sistem kawalan kualiti tersendiri, sekali gus berjaya menambah keyakinan pelanggan terhadap produk ditawarkan.

Memiliki bilik sejuk dengan suhu antara empat hingga tujuh darjah Celsius yang dikatakan suhu terbaik untuk mengekalkan kualiti kurma, Khairul Amin berkata, kebanyakan produk kurma yang diimport dari Iran, Tunisia dan Arab Saudi adalah hasil peneuaian tahun lalu.

"Penting untuk pelanggan tahu, musim peneuaian buah kurma hanya berlaku sekitar Ogos hingga Oktober, jadi jika ada yang mengatakan produk kurma mereka adalah hasil 2013, ia sangat mustahil.

"Justeru, penting untuk masyarakat Islam yang menjadikan kurma sebagai makanan sunat sewaktu berbuka puasa, mengambil tahu sedikit maklumat mengenai buah ini," katanya yang merancang memiliki bangunan syarikat dan gudang sendiri dalam tempoh terdekat.

Mencungkil sejarah penubuhan Al Fajr, pertemuan antara Khairul Amin dan rakan kongsinya terjadi sewaktu pameran Iran kali pertama diadakan di Kuala Lumpur pada awal 2000.

"Kawan saya antara peserta pameran yang memiliki sebuah gerai. Keramahan dan sikap terbukanya membuatkan saya selesa

berbual mengenai produk Iran.

"Apabila dia mengutarakan masalah penyimpanan barang sebelum bertolak menyertai pameran di Singapura, dengan hati terbuka saya menawarkan pertolongan.

"Sebenarnya, teman ini ada rancangan membuka syarikat di Malaysia dan dia mengajak saya menyertainya. Saya menguruskan operasi di Malaysia dan rantau Asia, manakala rakan kongsi pula mengendalikan urusan di Asia Barat.

"Tiga belas tahun dalam industri ini, Al Fajr masih mampu bernafas meskipun ramai pesaing, sama ada Melayu mahupun Cina, memasuki pasaran ini," katanya yang menggunakan medium pengiklanan di media elektronik dan cetak sebagai alat promosi.

Tidak lokek berkongsi latar belakangnya, bapa kepada enam cahaya mata ini berasal daripada keluarga sederhana, di mana kedua-dua ibu bapanya bekerja di sektor kerajaan.

Ibu bertugas sebagai guru sekolah rendah manakala bapa tenaga pengajar Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), oleh itu menjadi anak sulung kepada lima beradik

membuatkan Khairul Amin lebih berdikari, terutama dalam pengurusan rumah.

Ketiadaan ibu bapa di rumah bukan alasan untuk Khairul Amin bebas, sebaliknya di bertangjawab menjaga kebajikan adik-beradik, termasuk memastikan mereka makan sejeurus pulang dari sekolah dan membuat kerja sekolah.

"Walaupun tanggungjawab itu seakan-akan berat, saya bersyukur diberi peluang sedemikian, sekali gus mengeratkan hubungan kami sekeluarga. Lebih mengembirakan apabila semua adik memasuki sekolah berasrama bagi peringkat menengah.

"Memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya memilih melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma dan ijazah dalam bidang pertanian. Arwah bapa adalah pengaruh utama saya memilih bidang ini.

"Bayangkan, saya sekeluarga tinggal di sebuah rumah dalam ladang getah seluas 17 ekar di Pusat Latihan Risda di Temerloh. Aktiviti yang boleh saya lakukan ketika itu adalah mengikut bapa memberi latihan pertanian kepada pekebun kecil," katanya.

KURMA memiliki pelbagai khasiat.



Memiliki kemahiran meracun lalang dan melakukan proses percantuman anak getah seawal usia belasan tahun, Khairul Amin mengakui bapanya adalah guru pertama dalam bidang pertanian, sekali gus berjaya membuatnya berada ke depan sewaktu pengajian di universiti.

Berjaya menggenggam ijazah pada 1984, Khairul Amin dilamar RISDA sebagai pegawai pertanian dan ditugaskan di ibu pejabat selama setahun sebelum dipindahkan ke Tanah Merah, Kelantan selama tiga tahun.

Sempat berkhidmat di Temerloh selama setahun, lelaki ini meletakkan jawatan dan menerima pelawaan seorang teman yang menceburi bidang penerbangan.

Dipertanggungjawabkan menjual kapal terbang dan jet kepada syarikat korporat, 'petani' ini berjaya menyesuaikan diri dan meraih kepercayaan pelanggan berstatus orang kenamaan.

Tsunami ekonomi dunia pada 1997 membuatkan Khairul Amin terduduk, apatah lagi industri penerbangan gagal bertahan disebabkan perbezaan ketara pertukaran

mata wang asing.

Mungkin rezeki isteri dan anak atau nasibnya terlalu baik, seorang teman warga Amerika mempelawa Khairul Amin bekerjasama dengannya dalam bidang pembiayaan kewangan yang berpusat di Switzerland.

Peluang menemui pelbagai jenis individu yang memerlukan bantuan dana membuka perspektif baru dalam laluan kerjaya Khairul Amin, selain memberi peluang kepadanya mempelajari perkara baru.

Berkongsi pengalaman paling menarik sewaktu bergelar 'orang tengah' menyatukan pemberi dana dan pelanggan, Khairul Amin berkata, pernah seorang pelanggan mencagarkan lukisan bernilai RM70 juta kepada bank.

"Ia kedengaran mustahil mendapatkan dana, rupanya masyarakat di sana sangat menghargai sesuatu barang bernilai estetika meskipun ia kelihatan pelik dalam kalangan masyarakat Malaysia.

"Selepas krisis berakhir pada 1999, saya kembali ke Malaysia dan kemudian dipertemukan dengan rakan kongsi saya sebelum memulakan perniagaan.

"Sejujurnya, saya memperoleh pengetahuan mengenai kurma daripada rakan kongsi dan proses pembelajaran ini masih berlangsung," katanya mengakhiri perbualan.

## Gemar sertai aktiviti masyarakat

**Aktiviti masa lapang?**  
Saya lebih suka mendekatkan diri dengan aktiviti berbentuk kemasyarakatan, termasuk Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mahupun Rukun Tetangga di kawasan kediaman di Sungai Besi.

**Aktiviti bersama keluarga?**  
Saya selalu sibuk menguruskan perniagaan, jadi jika ada kesempatan, saya duduk bersantai bersama keluarga sama ada berbual-bual, makan bersama mahupun keluar pada hujung minggu.

**Juadah kegemaran ketika berbuka puasa?**  
Air soya dan makanan kampung seperti kerabu dan kari.

**Kurma kegemaran dan kenapa?**  
Kurma Ajwa atau kurma Nabi dan Rotab Bam yang dikatakan berkhasiat menurut hadis nabi.

**Pendorong? Anak.**  
**Tokoh dikagumi?**  
Tun Dr Mahathir Mohamad.

**Prinsip hidup?**  
Menjadi Muslim sejati.

